
PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI BAGAN DATUK

Nur Hidayati Sanusi¹, Mohd Syamsul Ariff Ghazalli²

¹ General Studies Unit, Bagan Datuk Community College, Perak, Malaysia.
E-mail: hidayati.sanusi@kkbgd.edu.my

² Computer & System Network Unit, Bagan Datuk Community College, Perak, Malaysia.
E-mail: syamsulum@gmail.com

Abstract

Student evaluation aims to assess students' satisfaction level as customers in an educational service at an institution. In this study, the researcher wants to examine students' perceptions of lecturers' teaching at Bagan Datuk Community College based on a questionnaire developed by the Instructional and Digital Learning Division, the Polytechnic and Community College Education Department (JPPKK). This study is in the form of descriptive quantitative research. The overall study findings are based on a mean of 3.8348. This indicates that the overall mean is high. In conclusion, the findings of this study are very important to the organization in delivering quality educational services in the future.

Keywords : customer satisfaction; community college; teaching; quality.

Abstrak

Penilaian pelajar bertujuan menilai tahap kepuasan pelajar sebagai pelanggan dalam sesebuah perkhidmatan pendidikan di institusi. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di Kolej Komuniti Bagan Datuk berdasarkan kepada soal selidik yang telah dibangunkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kajian ini berbentuk kuantitatif deskriptif. Keseluruhan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada min keseluruhan iaitu 3.8348. Ini menunjukkan bahawa min keseluruhan adalah tinggi. Kesimpulannya, dapatan bagi kajian ini amat penting kepada organisasi dalam menyampaikan mutu perkhidmatan pendidikan pada masa akan datang.

Kata kunci: kepuasan pelanggan; kolej komuniti; pengajaran; mutu.

I. PENGENALAN

Penilaian pelajar merupakan salah satu metod penting dalam mendapatkan maklumbalas tentang keberkesanan pengajaran seseorang pensyarah. Kadangkala maklumbalas yang diberikan berat sebelah. Namun, sekiranya pensyarah dinilai secara tidak adil, maka ini akan mengurangkan motivasi pensyarah dan mengurangkan kepuasan kerja (Díaz-Méndez et al. 2017). Walaubagaimanapun, penilaian yang diberikan oleh pelajar masih boleh digunakan untuk mengukur prestasi seseorang pensyarah.

KAJIAN LITERATUR

Kesan penilaian pelajar terhadap pensyarah boleh memberi kesan positif atau negatif terhadap

sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Sebilangan pensyarah menyatakan mereka tidak kisah dengan keputusan penilaian yang dibuat, namun banyak kajian menyatakan mereka sebenarnya ambil berat terhadap maklumbalas pelajar terhadap mereka (Bdour & Jinks, 2009).

a) Kesan Positif Penilaian

Penilaian pelajar dapat membantu meningkatkan prestasi pengajaran dan juga dapat membantu proses pembelajaran pelajar. Menurut Bdour & Jinks (2009), maklumbalas pelajar telah memberi satu garis panduan untuk mereka menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Maklumbalas dari pelajar juga memberi kesan yang besar pada pensyarah dalam usaha mempelbagaikan strategi pengajaran di dalam kelas dan kepakaran dalam subjeknya. Penilaian pelajar juga membantu

24

Received: 06 June 2023

Revised: 20 June 2023

Accepted: 06 June 2023

proses pengajaran dan pembelajaran apabila keputusan penilaian itu dibincangkan bersama rakan sekerja, pakar perunding atau kaunselor (Mc Keanchie,W. 1997). Hasil analisa penilaian pelajar perlu dikaji untuk menambahbaik kriteria-kriteria yang mendapat penilaian rendah. Mc Keanchie,W. (1997) menyarankan supaya dua penilaian dilakukan dalam satu semester iaitu di awal semester dan di hujung semester. Penilaian di awal semester dilakukan adalah untuk mengesan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Proses kaji semula dan penambahbaikan perlu dilaksanakan jika penilaian pada awal semester menunjukkan penilaian rendah. Proses penambahbaikan ini perlu dinilai semula di hujung semester berdasarkan keputusan daripada penilaian pelajar. Panduan ini seiring dengan ketetapan KPM dalam Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti. Mohd Hamdan (2022) menyatakan bahawa amalan PdP bagi sesuatu modul perlu dikaji semula bagi memudahkan pihak terlibat menambahbaik proses PdP.

b) Kesan Negatif Penilaian

Penilaian pelajar juga boleh memberi kesan negatif kepada pensyarah atau pihak lain yang terlibat. Oleh itu, penilaian kedua-dua belah pihak dari Pegawai Penilai (Ketua Jabatan) dan

pelajar perlu seiring agar tidak terjadinya penilaian berat sebelah.

OBJEKTIF KAJIAN:

Objektif kajian ini adalah untuk mengukur persepsi pelajar terhadap:

1. tahap pengajaran pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk
2. kriteria tertinggi dalam proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk
3. kriteria terendah dalam proses PdP Kolej Komuniti Bagan Datuk
4. cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk.

SOALAN KAJIAN:

1. Sejauhmanakah tahap pengajaran pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?
2. Apakah kriteria tertinggi dalam proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?
3. Apakah kriteria terendah dalam proses PdP Kolej Komuniti Bagan Datuk?
4. Apakah cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?

II. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A: Demografi Responden dan bahagian B: Aspek yang dinilai. Soal selidik ini telah diedarkan kepada para pelajar SSK dan SVM bagi tahun 2022 terdiri daripada 2 sesi iaitu sesi 2, 2021/2022 dan sesi 1, 2022/2023. Borang soal selidik ini telah diedarkan

Jadual 1 : Skala Penentuan Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah di Kolej Komuniti Bagan Datuk

Pengkelasan Skor Min	Aras
----------------------	------


di dalam kelas sebaik sahaja selesai sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) berlangsung pada hari yang sama. Sebanyak 293 borang soal selidik telah dipulangkan dari pelbagai kelas yang melibatkan kepada 23 orang pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk. Skala penentuan tahap tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1. Hasil dapatan dibincangkan dalam seksyen seterusnya.

1.00-1.33	Rendah
1.34-2.66	Sederhana
2.67-4.00	Tinggi

(Sumber : Tham Hou Yin, 2018)


II. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Carta Bar 1 : Bilangan Responden Mengikuti Program



Data demografi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta Bar1. Seramai 132 orang responden daripada Program Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) dan 161 orang responden daripada Program Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi (SVM).

Carta Bar 2 : Bilangan Pensyarah Yang Dinilai Mengikuti Program



Bilangan pensyarah yang dinilai oleh responden dalam kajian ini seramai 23 orang terdiri daripada 9 orang dari Program Sijil Penyenggaraan Motosikal Berkuasa Tinggi (SVM), 10 orang daripada Program Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) dan 4 orang daripada pensyarah sokongan Unit Pengajian Am (UPA). Bilangan pensyarah yang menyertai penilaian ini ditunjukkan dalam Carta Bar 2.

Jadual 2 : Nilai Min Bagi Setiap Aspek Yang Dinilai

Aspek Yang Dinilai	N	Mean	Std. Dev	Tahap
Saya telah diterangkan mengenai	29	3.754	.4468	Tinggi
	3	3	6	

hasil pembelajaran				
Saya telah diterangkan mengenai course outline dengan jelas	29	3.691	.4913	Tinggi
	2	8	7	
Pensyarah menyampaikan pengajaran dengan suara dan intonasi yang jelas	29	3.822	.4086	Tinggi
	3	5	9	
Pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk bertanyakan soalan	29	3.797	.4512	Tinggi
	1	3	0	
Pensyarah melaksanakan aktiviti yang boleh menarik minat pelajar	29	3.730	.4743	Tinggi
	3	4	4	
Pensyarah memastikan suasana persekitaran kelas yang selamat, bersih dan teratur.	29	3.798	.4184	Tinggi
	3	6	1	
Bahan pengajaran membantu meningkatkan kefahaman pelajar.	29	3.737	.4991	Tinggi
	3	2	9	
Pensyarah sentiasa menampilkan perwatakan positif yang boleh dicontohi	29	3.785	.4435	Tinggi
	3	0	8	
Pensyarah menepati masa	29	3.767	.4973	Tinggi
	3	9	2	
Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah difahami.	11	3.728	.4849	Tinggi
	4	1	1	

(Catatan : Hanya melibatkan kursus yang menggunakan


Bahasa
Inggeris)

Jadual 3 : Min Keseluruhan Bagi Aspek Yang Dinilai

Min Keseluruhan	N	Mean	Std. Dev
Valid N (listwise)	112	3.8348	.35558

“Apakah kriteria tertinggi dalam proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?”

Carta Bar 3 : Min Skor Penilaian Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah



Berdasarkan Carta Bar 3, item A3 menunjukkan nilai skor min tertinggi sebanyak 3.8225 iaitu pelajar berpendapat pensyarah menyampaikan pengajaran dengan suara dan intonasi yang jelas. Sudah semestinya para pensyarah telah dilatih dengan baik dari segi kawalan suara dan penyampaian intonasi yang jelas dalam penyampaian pengajaran di dalam kelas kerana ia merupakan salah satu teknik kawalan kelas yang baik. Hasil kajian ini disokong dengan kajian Latifah Abdul Latiff (2020) yang menyatakan pensyarah yang mempunyai personality yang baik mampu menyampaikan PdP dengan baik.

Soalan Kajian 3:

“Apakah kriteria terendah dalam proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?”

Berdasarkan Carta Bar 3, item A2 menunjukkan nilai skor min terendah dalam setiap aspek yang dinilai iaitu sebanyak 3.6918 iaitu penerangan mengenai *course outline* yang jelas. Penerangan mengenai *course outline* atau garis panduan kursus sepanjang perlu diterangkan pada setiap permulaan kelas. Ia melibatkan kepada perkara yang wajib dijelaskan sebagai panduan pelajar sepanjang semester.

Soalan Kajian 4:

“Apakah cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan proses PdP pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk?”

Menurut Maizatulkama et.al (2018), penguasaan pensyarah dalam penyampaian pengajaran dan penyediaan bahan pengajaran merupakan faktor penting dalam mempengaruhi penilaian pelajar. Perkara ini telah dikuasai dan dilaksanakan dengan baik oleh pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk melalui persepsi para pelajar.

Hasil dapatan tersebut dapat disimpulkan bahawa pensyarah yang menyediakan bahan pengajaran yang bermutu dapat menarik perhatian pelajar. Pensyarah boleh memilih bahan pengajaran yang kemas dan memberi manfaat kepada pelajar, seperti bahan tekstual, audiovisual, dan interaktif.

Selain itu, pensyarah boleh berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pelajar berkaitan dengan kursus atau topik untuk membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan pengetahuan mereka.

Disamping itu, pensyarah harus menerapkan teknologi dalam proses pengajaran dengan menggunakan alat bantuan teknologi terkini, seperti laman web, videoconferencing, dan aplikasi, untuk memudahkan dan meningkatkan proses pengajaran. Awang,A. (2023) menyokong penjelasan ini melalui kajian beliau yang mempelabagakan kaedah dan medium pengajaran berteknologi. Pensyarah boleh melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif, seperti diskusi, projek, dan tugasan, yang membantu pelajar untuk belajar secara aktif.

Bagi memastikan proses pengajaran berjalan lancar, pensyarah boleh melakukan penilaian berterusan terhadap proses pengajaran mereka, seperti penilaian peer-to-peer dan penilaian diri, untuk memastikan ia berkesan dan efektif.

III. KESIMPULAN

Penilaian dari pelajar menunjukkan kebanyakan pensyarah mendapat penilaian yang positif untuk setiap ciri-ciri yang dikemukakan. Ini menunjukkan pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk telah memberikan komitmen yang baik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Para pelajar memberikan gambaran yang amat positif terhadap kemahiran dan profesionalisme pensyarah Kolej Komuniti Bagan Datuk dalam menyampaikan pengajaran secara dinamik dengan suara dan intonasi yang jelas ketika proses pembelajaran dan pengajaran. Namun, isu

mengenai penerangan 'course outline' dalam kelas perlu dijelaskan secara terperinci. Ini mungkin terjadi disebabkan banyak faktor yang lain iaitu pelajar itu sendiri keliru dengan istilah 'course outline' atau pendedahan tentangnya kurang diberikan.

Pensyarah harus memandang secara positif isu ini dengan mengendalikan kuliah secara lebih kreatif dan inovatif. Walaupun pelajar memberikan penilaian positif kepada hampir kesemua kriteria yang dinilai, pensyarah tidak harus hanya berpuas hati dengan penilaian tersebut. Mereka perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari masa ke semasa.

RUJUKAN

[1] Bdour, A.S. & Jinks. An investigation of the purpose of students, evaluation and the factors that affects it. Retrieved. July 2021 from <http://www.coe.ilstu.edu/scienceed/ci538/papers/abdour.htm>.(2009)

[2] Tham Hou Yin. The Level of Parental Satisfaction Towards the Quality of Preschool Education in Maran District, Pahang. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 7*, 2018 (83-100) (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X) <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>.(2018)

[3] Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2019. Putrajaya : Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital JPPKK.(2019)

[4] Díaz-Méndez, M., Saren, M. & Gummesson, E. . Considering pollution in the higher education (HE) service ecosystem: The role of students' evaluation surveys. *The TQM Journal*, 29(6):767-782.(2017)

[5] Maizatulakma Abdullah, Ainol Basirah Abdul Wahab, Noorsakinah Abdul Wahab, Muhammad Azim Ismail. Faktor yang Mempengaruhi Penilaian Pelajar terhadap Prestasi Pengajaran Pensyarah. *Jurnal Personalia Pelajar* 21(1): 1 – 9. (2018)



[6] Mohamed Hamdan Bin Mohamad Ibrahim, Mohd Zamri Bin Mohd Zin & Amin Zakuan Bin Mohamad Ibrahim (2022).Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah politeknik. Ditinjau dari perspektif pensyarah pemantau dan pelajar. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 20, Issue 1, (June) ISSN 2289-9855. p: 94-98(2022)

[7] Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad. Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Falsafah Dan Isu Semasa (FIS). *E-*

Proceedings Of The International Conference On Aqidah, Religions And Social Sciences (SIGMA10). p: 125-133. (2020)

[8] Awang, A., Ahmad, S., Ismail, C. Z., Taha, M. M., & Abu Bakar, R. (2023). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Terhadap Penilaian CTU 554 Menggunakan Platform Ufuture. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 70 - 83.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>Nur Hidayati Sanusi</p> 	<p>General Studies Unit, Bagan Datuk Community College E-mail: hidayati.sanusi@kkgbd.edu.my</p>
<p>Mohd Syamsul Ariff Ghazali</p> 	<p>Computer System & Network Unit, Bagan Datuk Community College E-mail: syamsulum@gmail.com</p>